

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**  
**[ TUMPAT ]**

**TARIKH** : **16 JUN 2014**

**SOALAN** : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan apakah tindakan Kerajaan  
untuk membantu rakyat *Central African*  
*Republic (CAR)* yang dibunuh kerana  
perbezaan agama.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Luar Negeri menyambut baik keprihatinan YB Tumpat terhadap perkembangan dan pergolakan yang sedang berlaku di Republik Afrika Tengah (CAR).

2. Kementerian ini sentiasa mengikuti perkembangan di negara tersebut yang melibatkan pertelingkahan di antara penganut Kristian dan penganut Islam. Namun demikian, memandangkan perkara ini merupakan hal ehwal dalaman negara berkenaan, maka Kerajaan kita tidak berhasrat mencampuri urusan dalaman negara tersebut. Pendirian ini adalah selaras dengan dasar luar Malaysia yang diamalkan selama ini.

3. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, setakat ini, Kerajaan CAR telah memohon pertolongan dari segi ketenteraan dari Kerajaan Perancis untuk memulihkan keselamatan dan keamanan negara tersebut. Kerajaan juga berharap pihak-pihak yang bertelagah dapat menghentikan persengketaan dan mencari jalan penyelesaian secara rundingan secepat mungkin. Dengan pelantikan Presiden Sementara yang baru di negara tersebut pada 24 Januari 2014, Malaysia yakin beliau mampu menyatupadukan semula rakyat serta dapat membawa keamanan dan keharmonian di Republik berkenaan. Keamanan dan kestabilan ini bukan sahaja penting kepada Republik Afrika Tengah, tetapi juga untuk menjamin kestabilan rantau berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 119**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 16 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6883**

**SOALAN:**

Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan terperinci peruntukan yang telah diberi kepada Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) untuk menjalankan segala program, seminar atau aktiviti persatuan ini, termasuk semua nama program dan jumlah peruntukan masing-masing.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) tidak memberi peruntukan kewangan kepada Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Dalam hal ini, pertubuhan tersebut menjana pendapatan pertubuhannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana dan derma serta lain-lain aktiviti bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhannya selaras dengan Perlembagaan Pertubuhan ISMA.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan yang diterima sehingga sekarang di bawah skim perumahan mampu milik swasta (MyHome) yang dilaksanakan sejak 1 April 2014 dan apakah syarat-syarat khas untuk sesuatu permohonan diluluskan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 28 Mei 2014, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima sebanyak 52,667 permohonan bagi program Skim MyHome.

Permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

- i. Permohonan secara manual : 4468
- ii. Permohonan secara online : 48199

Syarat-syarat permohonan MyHome adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berumur 18 tahun ke atas
- iii. Pembelian rumah pertama
- iv. Permohonan satu (1) unit rumah kepada setiap isi rumah
- v. Pendapatan isi rumah :

- MyHome 1 : RM3,000 – RM4,000
- MyHome 2 : RM4,000 – RM6,000

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014